

Robert Rauschenberg merupakan salah seorang seniman paling berpengaruh dan inovatif pada abad ke-20. Penggunaan objek terjumpa serta gambar media massa dalam karyanya sering mengaburkan batas antara lukisan dan arca. Beliau ingin mencari cara baharu untuk mencipta dan melihat seni, dan beliau begitu percaya bahawa seni mampu memberi inspirasi kepada perubahan sosial. Minat Rauschenberg terhadap pengembaraan dan pembelajaran tentang budaya baharu dari seluruh dunia sering membawanya bekerjasama dengan artis dan tukang-tukang tempatan, serta menggabungkan pelbagai teknik dan bahan yang ditemuinya ke dalam karya beliau.

### Renungkan

a. Pada pendapat anda, bolehkah seni memupuk kefahaman bersama antara budaya yang berbeza? Jika ya, bagaimana? Jika tidak, mengapa?

b. Rauschenberg sering menggunakan bahan biasa dalam karya seninya. Bagaimanakah penggunaan objek harian mengubah cara anda berfikir tentang apa yang dianggap sebagai "seni"?

c. Berdasarkan pengalaman anda, apakah maksud kerjasama artistik bagi anda sendiri? Fikirkan sama ada ia sesuatu yang anda amalkan dalam kehidupan harian anda.



Robert Rauschenberg, *Truth (from 7 Characters)*, 1982

Silk, ribbon, paper, paper-pulp relief, ink, and gold leaf on handmade Xuan paper, with mirror, framed in a Plexiglas box, 109.2 × 78.7 × 6.4 cm.

From an edition of 70 unique variations, published by Gemini G.E.L., Los Angeles

© Robert Rauschenberg Foundation. Photo: Ron Amstutz.

Image courtesy of Robert Rauschenberg Foundation

Karya oleh Rauschenberg ini merupakan sebahagian daripada siri *7 Characters* (7 Huruf) beliau. Karya ini diilhamkan oleh lawatannya ke kilang kertas tertua di daerah Jing, wilayah Anhui di China. Siri ini merangkumi koleksi kolaj yang masing-masing berasaskan aksara Cina terpilih yang dipaparkan. Rauschenberg telah bekerjasama

dengan pembuat kertas tempatan di kilang tersebut yang membentuk setiap aksara daripada bubur kertas dan menekannya pada asas kertas Xuan tiga puluh lapis. Pada permukaan itu juga, beliau menambahkan potongan poster dari Shanghai, helaian sutera lut sinar, serta reben yang menggantung medallion sutera.

Rauschenberg berinspirasi untuk melancarkan satu perjalanan yang berani dibiayai sendiri ke seluruh dunia sebagai sebahagian daripada proses mencipta karya ini. Tujuan perjalanan tersebut adalah untuk membangkitkan dialog tentang kreativiti antara budaya. Dengan bekerjasama bersama artis tempatan, serta menggunakan bahan dan kaedah setempat, beliau memulakan projek besar yang dikenali sebagai *Rauschenberg Overseas Culture Interchange (ROCI)*. Antara tahun 1984 hingga 1990, projek ini telah menjelajah ke Mexico, Chile, Venezuela, China, Tibet, Jepun, Cuba, Kesatuan Republik Sosialis Soviet (USSR), Jerman, dan Malaysia.

#### Fakta menarik

ROCI, disebut sebagai "Rocky", juga merupakan nama bagi kurat-kura peliharaan Rauschenberg.

Mari ikuti pengembaraan Rauschenberg di Asia!



KIRI KE KANAN  
Robert Rauschenberg,  
*Tibetan Garden Song / ROCI TIBET*, 1986  
Cello, chrome-plated wash tub, glycerin, Chinese scrollmaker's brush, mirrored Plexiglas, 109.2 × 46.4 cm diameter.  
From an edition of 25, published by Graphicstudio, University of South Florida, Tampa. Only 20 editions were realised © Robert Rauschenberg Foundation.  
Photo: Will Lytch. Image courtesy of Graphicstudio, University of South Florida, Tampa

Robert Rauschenberg,  
*Magnetic Script / ROCI TIBET*, 1985  
Construction with chairs and typewriter  
110.5 × 77.8 × 58.6 cm  
Robert Rauschenberg Foundation



Tibet

Di Tibet, Robert Rauschenberg terdorong untuk merakam semangat masyarakat Tibet yang "hormat sepenuhnya terhadap semua perkara... tiada hierarki dalam bahan-bahan". Karyanya yang diilhamkan dengan hubungan penduduk tempatan dengan bahan mempamerkan kefahaman rohani yang bercampur dengan barang seharian, lantas menganyam kepekaan masyarakat Tibet ke dalam praktis eksperimentalnya untuk menunjukkan bagaimana tradisi boleh bertemu dan saling mengubah satu sama lain.

#### Tahukah anda?

Rauschenberg memelopori karya hibrid digelarannya *Combines* (1954–64) yang mencampurkan lukisan, arca, dan objek terjumpa. Contoh-contoh daripada ROCI TIBET meneruskan penerokaan ini.

#### Lihat

Dapatkah anda mengenal pasti bahan dan objek yang Rauschenberg gunakan? Berdasarkan pemerhatian anda, terangkan bagaimana beliau gunakan barang tersebut dalam karya-karya tersebut.

#### Fikirkan

Jika anda mahu menghasilkan *Combine* menggunakan tiga barang dari beg, bilik tidur atau ruang yang anda berada sekarang ini, apakah bentuknya? Jangan lupa untuk fikirkan kisah apa yang akan disampaikan. Senaraikan di bawah barangan tersebut berserta penerangan anda:


①

②

③

#### Konsep

Fikirkan tentang bahan anda dan kisah-kisah mereka. Bagaimana anda mahu menyusun bahan ini untuk menyampaikan mesej yang anda fikirkan? Lakarkan idea anda di ruangan bawah ini:



#### Renungkan

Jika anda melihat setiap objek dalam kehidupan seharian anda sebahagai sesuatu yang bermakna, bagaimanakah ia mengubah cara anda melihat persekitaran anda? Bagaimanakah barang 'sampah' boleh diberi makna melalui seni?





Jepun

Penglibatan Rauschenberg dengan Jepun serta teknik cetakan dan reka bentuk Jepun bermula pada tahun 1964 ketika beliau melakukan jelajah bersama Syarikat Tarian Merce Cunningham sebagai pereka set dan kostum. Di Jepun, Rauschenberg dikenalkan kepada konsep "tiada dualiti"; bahawa seseorang itu tidak boleh dianggap sama ada betul atau salah, sekaligus menekankan kedua-dua kerumitan dan pada masa yang sama kesederhanaan yang wujud dalam seni dan kehidupan.

Robert Rauschenberg, *Bamhuc / ROCI JAPAN*, 1987  
bamboo with neon lights, electrical timer, and metal fixtures, 228.6 × 10.2 × 27.3 cm  
Robert Rauschenberg Foundation



**Lihat**

*Bamhuc* menampilkan sebatang tiang buluh panjang berbentuk segi empat yang dipasang dengan lampu neon dan pemasa, yang memancarkan pelbagai gradasi warna setiap beberapa saat. Karya ini disandarkan pada dinding dan disambungkan ke soket elektrik.

a. Menurut anda, apakah yang dilambangkan oleh setiap bahan tersebut?

b. Berdasarkan jawapan anda, apakah mesej yang cuba disampaikan artis ini?

**BELAJAR BERSAMA ILHAM**

Pemindahan pelarut ialah satu teknik di mana gambar bercetak direndam dalam pelarut seperti air, turpentin atau cecair pemetik api. Gambar tersebut kemudian diletakkan dengan bahagian hadapannya menghadap ke bawah pada kertas, lalu gambar itu dipindahkan dengan cara menggosok bahagian belakangnya. Rauschenberg menghasilkan tanda lorekan dengan menggosok hujung pen kering pada bahagian belakang gambar tersebut.

**LIHAT**

a. Apakah gambar yang anda dapat lihat telah dipindahkan ke atas karya ini?

b. Pada pendapat anda, adakah anda fikir seni membenarkan anda untuk lebih memahami budaya yang berbeza? Bagaimana caranya?



Robert Rauschenberg, *Kyoto XI*, 1983  
solvent transfer, watercolour, and gouache on Japanese dedication board, 40.6 × 31.8 cm  
© Robert Rauschenberg Foundation Photo: Ron Amstutz  
Image courtesy of Robert Rauschenberg Foundation

**Lihat**

Berikut ialah satu lagi karya media campuran oleh Rauschenberg daripada lawatan awalnya ke Jepun! Beliau membuat pemindahan pelarut dengan gambar daripada majalah tempatan Jepun, cat air dan gouache pada sebuah papan dedikasi Jepun.

Papan dedikasi Jepun yang dikenali sebagai Ema yang digunakan untuk menulis doa di atasnya dan boleh ditemui di pelbagai tokong dan tempat suci di seluruh Jepun.

**Renungkan**

a. Pemindahan pelarut ialah teknik dan bentuk mekanikal manakala penggunaan gouache dan cat air ialah perantara yang lebih abstrak. Kedua-duanya digunakan dalam karya seni yang sama. Pada pendapat anda, gabungan teknik ini mewujudkan keharmonian atau ketegangan? Mengapa?

b. Bagaimana kewujudan serentak elemen mekanikal dan abstrak menerangkan idea mengenai kehidupan moden, teknologi, dan tradisi?

**CIPTA**

Hasilkan pemindahan pelarut anda sendiri dengan menggunakan pita pelekat!

**BAHAN YANG DIPERLUKAN**

1. Pita pelekat tahan lasak
2. Gambar (dari suratkhbar, majalah, cetakan gambar)
3. Satu mangkuk air suam
4. Satu helai kain
5. Penggilap, sama ada sudu atau pembaris
6. Kertas atau kad stok

**ARAHAN**

1. Sediakan gambar pilihan anda. Anda boleh dapatkan dari sebarang surat khabar, majalah atau cetak sendiri!
2. Lekatkan pita pelekat ke atas gambar.
3. Tekan pita dengan menggosoknya dengan kuat (anda boleh menggunakan sudu atau pembaris). Ini untuk memastikan dakwat dipindahkan ke pelekat pita.
4. Gunting sekeliling gambar mengikut bentuk dan saiz pilihan anda.

5. Gunakan kain rendaman air suam dan lembapkan belakang gambar yang dilekat untuk melembutkan kertas.
6. Gosok bahagian belakang kertas dengan lembut sehingga ia mula larut atau tertanggal, meninggalkan dakwat di belakang.
7. Pastikan pindahan pita pelekat kering dan gunakan dalam karya anda!

Tunjukkan kami bagaimana anda gunakan pindahan pita pelekat ini dalam karya anda dan tag kami di Instagram! @ilhamgallerykl

Malaysia

Malaysia ialah destinasi antarabangsa terakhir ROCI dan Rauschenberg sangat terpesona dengan landskap tropika serta kepelbagaian kaumnya. Pada tahun 1989, beliau mengembara ke seluruh negara termasuk ke dengan masyarakat Iban dan Penan serta mengetahui lebih mendalam tentang nasib mereka berhubung isu penebangan hutan.

**Fakta menarik**


ROCI MALAYSIA dipamerkan di Balai Seni Lukis Negara pada tahun 1990 atas jemputan artis Syed Ahmad Jamal yang merupakan pengarah Balai ketika itu.

Karya skrin sutera pada keluli bersalut timah ini menampilkan gambar seorang ketua Iban dengan sumpit. Karya ini adalah sebahagian daripada karya Rauschenberg untuk ROCI MALAYSIA.

**Look**

Cuba anda menerangkan karya ini. Mula dengan memberitahu perasaan anda terhadap karya tersebut.


Robert Rauschenberg, *Iban Parade (Perarakan Iban) / ROCI MALAYSIA*, 1990  
silkscreen ink and acrylic on tin-plated steel, 75 × 124.5 cm  
Robert Rauschenberg Foundation



Rauschenberg juga menjadi inspirasi kepada artis Malaysia, Nirmala Dutt, yang karyanya sering menyentuh isu sosial di Malaysia, dari persekitaran, kemiskinan kota, dan kesengsaraan wanita dan kanak-kanak. Mari kita lihat apakah persamaan dan perbezaan antara kedua-dua artis ini dalam bentuk, tema dan tujuan.

Warna merah terang yang Dutt gunakan dalam karya ini adalah dari pokok mengkudu yang digunakan orang asal Penan sebagai pigmen pewarna tradisional dan semula jadi. Melalui ini, artis ini menunjukkan bagaimana alam semulajadi boleh digunakan dalam bentuk seni kreatif, dan bagaimana ilham boleh terhasil dari dunia alami. Namun, sumber-sumber alami ini yang kini diancam oleh pembalakan dan penggondolan hutan, dan kini berdepan dengan potensi pemusnahan sepenuhnya.

- a. Banding dan bezakan *Membalak Jangan Sebarangan Nanti Ditimpa Balak - Rumbia* karya Nirmala Dutt dengan *Iban Parade* karya Rauschenberg. Pertimbangkan aspek medium, subjek, bentuk, dan mesej karya masing-masing.



Nirmala Dutt, *Membalak Jangan Sebarangan Nanti Ditimpa Balak - Rumbia*, 1990  
cetakan sutera saring dan akrilik di atas kanvas, 122 × 92 cm  
Himpunan the Estate of Nirmala Dutt

### Konsep

Jika anda boleh mengembara seluruh dunia seperti artis ini dengan tujuan untuk memupuk kefahaman bersama antara budaya dan seni, ke manakah anda ingin pergi? Lakarkan perjalanan anda dengan peta berikut:



- a. Adakah antara negara pilihan anda sama dengan destinasi ROCI Rauschenberg? Jika ya, kaji apakah dapatan utama beliau daripada kerjasamanya dengan pihak negara itu. Jika tidak, lakukan kajian mendalam tentang bagaimana budaya mereka boleh menjadi ilham kepada karya kreatif anda.

Sumber pendidikan ini dihasilkan oleh ILHAM bersempena dengan pameran *Robert Rauschenberg and Asia*, yang dianjurkan oleh M+ dengan kerjasama ILHAM Gallery.

**ILHAM**  **M+**

Disokong oleh

**RAUSCHENBERG100**

Tingkat 3 & 5, Menara ILHAM  
No. 8, Jalan Binjai  
50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

Waktu buka: Selasa – Sabtu 11pg – 7ptg  
Ahad 11pg – 5ptg. Tutup pada setiap  
Isnin dan cuti awam.

   ilhamgallerykl  
[www.ilhamgallery.com](http://www.ilhamgallery.com)